

Bendung pertindihan fungsi, jimat kewangan negara

Kerajaan had jumlah badan berkanun

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM, JUANI MUNIR ABU BAKAR dan SABRINA ZULKIFLI
utusannews@mediamulia.com.rny

PUTRAJAYA: Kerajaan mengurangkan jumlah badan berkanun berkuat kuasa serta-merta bagi menangani isu pertindihan fungsi dan penjimatan dana negara dengan penubuhan Sekretariat Kajian Rasionalisasi Badan Berkanun Persekutuan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, langkah itu adalah sebahagian daripada reformasi perkhidmatan awam dan badan berkanun termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

Menurut Perdana Menteri, jumlah badan berkanun terlalu banyak, malah bertindih dan menjadi punca kepada keterlanjuran kewangan sehingga berlaku perbelanjaan tidak terkawal.

"Saya telah memutuskan baru-baru ini untuk Kementerian Kewangan mewakili kerajaan keseluruhannya membentuk jawatankuasa dua hala, jawatankuasa mengemas kini rasionalisasi badan berkanun.

"Badan berkanun itu terlalu banyak dan bertindih dan sukar (untuk diuruskan). Rasionalisasi maknanya kurangkan dan keterlanjuran pun banyak, belanjanya pun banyak," katanya ketika berucap dalam Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, langkah



ANWAR Ibrahim hadir di Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

reformasi itu turut terkait dengan pemantauan teliti semua lantikan pengerusi dan ahli lembaga pengarah di badan berkanun dan GLC bagi memastikan tatakelola pengurusan kewangan baik.

Katanya, sesetengah mereka yang memegang jawatan itu menganggap kedudukannya sebagai satu habuan dan mempamerkan kemewahan sedangkan ia daripada dana rakyat dan negara.

Sementara itu, dalam satu majlis di Kuala Lumpur, Anwar memberitahu, kerajaan dan Khazanah Nasional Berhad serta Lembaga Pengarah MAS komited untuk mengangkat semula prestasi syarikat penerbangan itu

dalam apa jua cara munasabah.

Jelas Perdana Menteri, kerajaan pada setiap minggu khususnya dalam mesyuarat Kabinet ada membincangkan untuk menyelamatkan MAS.

"Memandangkan soal MAS menjadi perbincangan hangat dan bahan media, kadangkala keputusan politik tidak telus dan memberikan peluang kepada satu dua kroni menjahannamkan syarikat dibanggakan.

"Kerana kesilapan itu, ia terbeban kepada kita sehingga kini," katanya dalam Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-30 Khazanah Nasional Berhad di Pusat Pameran dan Daganagan Antarabangsa Malaysia (MITEC).